

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [ IPOH TIMUR ]**

**TARIKH : 21 JULAI 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN WONG KAH WOH [ IPOH TIMUR ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jumlah kos yang terlibat dalam pembangunan aplikasi Gerak Malaysia dan MySejahtera dan jumlah muat turun setakat ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui beberapa Kementerian dan Agensi telah membangunkan aplikasi Gerak Malaysia, MySejahtera dan MyTrace bagi membantu pengawasan penularan wabak COVID-19 di dalam negara.
2. Aplikasi Gerak Malaysia dibangunkan untuk membantu Polis DiRaja Malaysia dalam menguruskan pergerakan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Sehingga kini, sebanyak 2.2 juta telah dimuat turun dan jumlah kos yang terlibat adalah ditanggung sepenuhnya oleh pihak industri.
3. Aplikasi MySejahtera dibangunkan untuk membantu Kerajaan dalam pengawasan penularan wabak COVID-19 dan memutuskan rantaian jangkitan dan seterusnya menangani wabak COVID-19 melalui penilaian kesihatan kendiri. Sehingga 15 Julai 2020, MySejahtera telah mempunyai 6,366,678 pengguna dan aplikasi ini mula dibangunkan secara *Corporate Social Responsibility* (CSR).